	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Penaksir Risiko Bising (NRA)		
No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat	
600-6-12/3A	23.12.2025	1/3	

1. Syarat Kemasukan

1.1. Syarat Am

- 1.1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 1.1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; **DAN**

1.2. Syarat Khusus

1.2.1. Pilihan 1

- 1.2.1.1 Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); **DAN**
- 1.2.1.2 Telah melengkapkan kursus Penaksir Risiko Bising (NRA) anjuran Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); **ATAU**

1.2.2. Pilihan 2


- 1.2.2.1 Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA; **ATAU**

1.2.3. Pilihan 3

- 1.2.3.1 Diiktiraf sebagai *Industrial Hygienist* oleh badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah JKKP.

2. Tempoh Menduduki Peperiksaan

Bermula 1 Januari 2024, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

 <small>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA</small>	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)					
	Syarat dan Format Peperiksaan Penaksir Risiko Bising (NRA)					
	No. Dokumen	Tarikh		Muka Surat		
600-6-12/3A	23.12.2025		2/3			


3. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	60%	RM200
	B	Soalan Struktur	2	1 jam 30 minit	60%	
		Soalan Esei	1			
2	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	60%	RM100
	B	Pembentangan - Sesi Pembentangan - Sesi Soal & Jawab	-	15 minit 30 minit	60%	RM200
3	-	<i>Noise Sampling Skill</i>	-	30 minit	100%	RM200
JUMLAH						RM700

NOTA:

- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 1.
- Calon baharu perlu menduduki kedua-dua bahagian Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) dalam satu sesi peperiksaan yang sama.
- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 2.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana Bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.
- Calon diminta membawa peralatan lengkap untuk Kertas 3.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Penaksir Risiko Bising (NRA)		
	No. Dokumen 600-6-12/3A	Tarikh 23.12.2025	Muka Surat 3/3

4. Bahasa

- 4.1. Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 4.2. Kesemua jawapan perlu dijawab dalam salah satu pilihan bahasa sahaja.

5. Peperiksaan Ulangan

- 5.1. Bermula 1 Januari 2024, tiada had untuk mengulang dan calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 5.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus NRA semula.

6. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan.

Disediakan oleh :

Sekretariat

Jawatankuasa Kompetensi Penaksir Risiko Bising

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)

Pusat Peperiksaan LPKKKP

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD), NIOSH

Tarikh kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) : 04 Disember 2024

Tarikh kuat kuasa : 1 Jun 2026